



**KEJOHANAN SUKAN STAF
ANTARA UNIVERSITI MALAYSIA
PERATURAN OLAHRAGA**



1. UNDANG-UNDANG PERMAINAN

- 1.1 Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung, kejohanan ini akan dijalankan mengikut peraturan undang-undang **KOM**.
- 1.2 Selain peraturan umum di atas, Jawatankuasa Teknikal Pertandingan adalah berhak meminda/mengadakan peraturan-peraturan tambahan, selaras dengan matlamat penganjuran SUKUM.
- 1.3 Kecuali apa yang disebut dalam peraturan yang menguasai dalam peraturan ini maka undang-undang dan Peraturan AM SUKUM adalah diikuti.
- 1.4 Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirannya maka peraturan/undang-undang dalam Bahasa Inggeris akan dipatuhi.
- 1.5 Kejadian di luar dugaan dan tidak dinyatakan dalam peraturan berkenaan akan diputuskan seperti berikut:
 - 1.5.1 Sebarang kejadian am akan diputuskan berasas kepada Peraturan AM Sukan Antara Staf Universiti-Universiti Malaysia.
 - 1.5.2 Sebarang perselisihan teknikal akan diputuskan berasaskan kepada undang-undang/peraturan KOM.
 - 1.5.3 Semua keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal (Juri Rayuan) adalah muktamad.

2. PENDAFTARAN PEMAIN

- 2.1 Penyertaan adalah terbuka kepada semua kontinjen.
 - 2.1.1 Setiap kontinjen dibenarkan menghantar tidak lebih dari **DUA (2)** orang peserta bagi acara perseorangan.
 - 2.1.2 Setiap kontinjen dibenarkan menghantar tidak lebih dari **SATU (1)** pasukan bagi acara berpasukan. Peserta acara berpasukan mestilah terdiri daripada peserta-peserta yang didaftarkan dalam borang penyertaan sahaja.
 - 2.1.3 Setiap peserta hanya dibenarkan untuk didaftarkan 3 acara perseorangan (individu) dan 2 acara berpasukan.

- 2.1.4 Sesuatu acara hanya akan dipertandingkan sekiranya terdapat minimum **EMPAT (4)** peserta daripada universiti berlainan yang mengambil bahagian.
- 2.1.5 Had umur bagi penyertaan Kategori **Super Senior Lelaki adalah 50 tahun dan keatas** dan bagi **Super Senior Veteran Wanita** adalah bermula umur **45 tahun dan keatas**.

3. PAKAIAN/ALATAN

- 3.1 Bagi berat alat-alat sukan seperti peluru, lembing dan cakera akan menggunakan kategori berat yang digunakan dalam mana-mana pertandingan.

4. SISTEM PERTANDINGAN

- 4.1 Saringan dan Separuh Akhir
 - 4.1.1 Lima (5) Saringan
 - 4.1.1.1 Hanya dua (2) peserta dari setiap saringan dan enam (6) lagi peserta yang mencatatkan masa terbaik dari kelima–lima saringan adalah layak memasuki peringkat separuh akhir.
 - 4.1.2 Empat (4) saringan
 - 4.1.2.1 Hanya tiga (3) peserta dari setiap saringan dan empat (4) lagi peserta yang mencatatkan masa terbaik dari keempat-empat saringan adalah layak memasuki peringkat separuh akhir.
 - 4.1.3 Tiga (3) Separuh Akhir
 - 4.1.3.1 Hanya dua (2) peserta dari setiap separuh akhir dan dua (2) lagi peserta yang mencatatkan masa terbaik dari ketiga-ketiga separuh akhir adalah layak memasuki peringkat akhir.
 - 4.1.4 Dua (2) Akhir
 - 4.1.4.1 Hanya tiga (3) peserta dari tiap-tiap separuh akhir dan dua (2) lagi peserta yang mencatatkan masa terbaik dari kedua-dua separuh akhir adalah layak memasuki peringkat akhir.
- 4.2 Pembahagian Lorong
 - 4.2.1 Semua pembahagian lorong akan dijalankan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Olahraga.

4.2.2 Bagi pusingan pertama, setiap pasukan akan diundi untuk menentukan lorong masing-masing.

4.2.3 Bagi pusingan berikutnya, maka dua (2) undian akan dibuat seperti berikut:-

4.2.3.1 Undian pertama adalah untuk empat peserta atau pasukan yang telah mencatatkan masa terpanjang bagi memutuskan tempat-tempat mereka di lorong 3,4,5 dan 6.

4.2.3.2 Undian kedua adalah untuk empat peserta atau pasukan lain yang telah melayakkan diri bagi memutuskan tempat mereka di lorong 1,2,7 dan 8.

4.3 Pembatalan

4.3.1 Semua peserta yang telah melayakkan diri dari pusingan awal ke pusingan berikutnya, tidak dibenarkan menarik diri daripada menyertai acara tersebut.

4.3.2 Sekiranya berlaku, maka peserta berkenaan akan dibatalkan daripada pertandingan berikutnya, kecuali dengan kebenaran daripada menyertai acara tersebut.

5. PERATURAN PERTANDINGAN

5.1 Taklimat Pengurus Pasukan akan ditetapkan oleh pihak penganjur. Semasa perjumpaan ini, pengesahan penyertaan hendaklah dibuat. Sebarang perubahan dan pertukaran boleh dibuat semasa Mesyuarat Pengurus Pasukan.

5.2 Acara yang dipertandingkan:

BIL	ACARA	SENIOR		VETERAN		SENIOR VETERAN	
		L	W	L	W	L	W
1.	100 Meter	2	2	2	2		
2.	200 Meter	2	2	2	2		
3.	400 Meter	2	2	2	2		
4.	800 Meter	2	2	2	2		
5.	1,500 Meter	2	2	2	2	2	2
6.	3,000 Meter (W)	-	2	-	-		
7.	2,000 Meter (W)	-	-	-	2	-	2
8.	5000 Meter (L)	2	-	2	-	2	-
9.	3000 Meter Jalan Kaki	2	-	2	-		
10.	2000 Meter Jalan Kaki	-	2	-	2		
11.	4 X 100 Meter	4	4	4	4		

12.	4 X 400 Meter	4	4	4	4		
13.	Lontar Peluru	2	2	2	2	2	2
14.	Lempar Cakera	2	2	2	2	2	2
15.	Merejam Lembing	2	2	2	2	2	2
16.	Lompat Jauh	2	2	2	2		
17.	Lompat Kijang	2	2	-	-		
		32	32	30	30	10	10

5.3 Nombor/Abjad Peserta.

5.3.1 Peserta tidak dibenarkan bertanding melainkan mereka memakai nombor/abjad yang ditentukan di hadapan dan di belakang badan.

5.3.2 Nombor/abjad peserta adalah seperti berikut:

BIL.	KONTINTEN	ABJAD	NOMBOR
1.	UM	A	001 - 100
2.	UKM	B	101 - 200
3.	USM	C	201 - 300
4.	UPM	D	301 - 400
5.	UTM	E	401 - 500
6.	UiTM	F	501 - 600
7.	UUM	G	601 - 700
8.	UIAM	H	701 - 800
9.	UMS	J	801 - 900
10.	UNIMAS	K	901 - 1000
11.	UPSI	L	1001 - 1100
12.	UTHM	M	1101 - 1200
13.	USIM	N	1201 - 1300
14.	UTeM	P	1301 - 1400
15.	UMT	Q	1401 - 1500
16.	UMP	R	1501 - 1600
17.	UniMAP	S	1601 - 1700
18.	UNISZA	T	1701 - 1800
19.	UMK	U	1801 - 1900

20.	KPT	V	1900 – 2000
21.	UPNM	WW	2001-2100

5.3.3 Kain nombor peserta lelaki dan wanita adalah berwarna putih.

5.3.4 Nombor/Abjad bagi peserta lelaki adalah berwarna **HITAM** manakala wanita berwarna **MERAH**.

5.4 Penggantian.

5.4.1 Bagi acara berganti-ganti, penggantian pelari boleh dibuat dengan peserta yang telah didaftarkan sahaja. Dengan itu semua nama peserta yang mengambil bahagian hendaklah diserahkan kepada pegawai bertugas bersama dengan borang penyertaan.

5.4.2 Seorang peserta yang berdaftar diterima sebagai pengganti dan dibenarkan mengambil bahagian dalam dalam acara-acara yang telah didaftarkan oleh peserta yang menarik diri dan hendaklah dibuat semasa Mesyuarat Pengurus Pasukan sebelum kejohanan.

5.4.3 Peserta yang menarik diri daripada sesuatu acara adalah dianggap menarik diri dari semua acara dan tidak dibenarkan menyertai sebarang acara dalam pertandingan ini.

5.4.4 Bagi acara perseorangan dan berpasukan, peserta yang telah didaftarkan sahaja layak mengambil bahagian. Peserta gantian tidak dibenarkan.

5.5 Jawatankuasa Bantahan/Tatatertib

5.5.1 Pelantikan Jawatankuasa Bantahan/Tatatertib dan prosedur aturcara mesyuarat adalah sepertimana diguna pakai oleh KOM.

5.5.2 Jawatankuasa Bantahan/Tatatertib berhak mendapatkan sebarang maklumat daripada mana-mana pihak yang berkaitan dengan perkara yang dibincangkan untuk membuat sesuatu keputusan.

6. RINGKASAN PENYERTAAN

LELAKI SENIOR	LELAKI VETERAN	WANITA SENIOR	WANITA VETERAN	SENIOR VETERAN LELAKI	SENIOR VETERAN WANITA	PEGAWAI
32	30	32	30	10	10	4

7. RINGKASAN PINGAT

7.1 Universiti yang memenangi Pingat Emas terbanyak akan dinobatkan sebagai Johan Keseluruhan bagi penentuan Pungutan Pingat SUKUM.

BIL.	KATEGORI	EMAS	PERAK	GANGSA
1.	100 Meter (L)	2	2	2
2.	100 Meter (W)	2	2	2
3.	200 Meter (L)	2	2	2
4.	200 Meter (W)	2	2	2
5.	400 Meter (L)	2	2	2
6.	400 Meter (W)	2	2	2
7.	800 Meter (L)	2	2	2
8.	800 Meter (W)	2	2	2
9.	1,500 Meter (L)	3	3	9
10.	1,500 Meter (W)	3	3	9
11.	2000 Meter (W)	2	2	6
12.	3,000 Meter (W)	1	1	3
13.	5,000 Meter (L)	3	3	9
14.	3,000 Meter Jalan Kaki (L)	2	2	6
15.	2,000 Meter Jalan Kaki (W)	2	2	6
16.	4 X 100 Meter (L)	2(8)	2(8)	2(8)
17.	4 X 100 Meter (W)	2(8)	2(8)	2(8)
18.	4 X 400 Meter (L)	2(8)	2(8)	2(8)
19.	4 X 400 Meter (W)	2(8)	2(8)	2(8)
20.	Lontar Peluru (L)	3	3	3
21.	Lontar Peluru (W)	3	3	3
22.	Lempar Cakera (L)	3	3	3
21.	Lempar Cakera (W)	3	3	3
20.	Merejam Lembing (L)	3	3	3
21.	Merejam Lembing (W)	3	3	3
22.	Lompat Jauh (L)	2	2	2
23.	Lompat Jauh (W)	2	2	2
24.	Lompat Kijang (L)	1	1	1
25.	Lompat Kijang (W)	1	1	1
JUMLAH		64	64	96